**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**PROSEDUR KERJA**
**SENARAI SEMAK PEMBAYARAN**

| **TAJUK : TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DALAM STESEN YANG SAMA** | | |
|---|---|---|
| RUJUKAN DOKUMEN : | | MUKASURAT : 1/6 |
| KELUARAN : 1 | PINDAAN : 1 | TARIKH UBAHSUAI : 21.03.2012 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| 1. | Tuntutan Elaun Perpindahan | Pastikan Kenyataan Tuntutan Elaun Perpindahan dan dokumen sokongan disertakan.<br><br>1. Semak bulan dan tahun kewangan, jika bukan tahun semasa pastikan Sijil AP58(a) disertakan dan memenuhi syarat berikut :-<br><br>a) tuntutan hendaklah dibayar dalam tahun kewangan kelulusan AP58(a) diterima.<br>b) baki peruntukan dalam tahun kewangan perbelanjaan dan baki peruntukan semasa adalah mencukupi.<br><br>2. Sekiranya syarat AP58(a) tidak dipatuhi, pastikan surat kelulusan perbendaharaan disertakan.<br><br>3. Pastikan butir-butir maklumat pegawai adalah lengkap seperti berikut :-<br><br>3.1 Nama dan no. kad pengenalan dicatitkan.<br><br>3.2 Semak gred jawatan untuk memastikan kadar kelayakan pegawai.<br><br><u>Takrif Gred</u><br>Gred Gaji dibawah Sistem Saraan Malaysia mengikut Pekeliling Perkhidmatan bil 4 Tahun 2002. Pegawai yang memilih tidak menerima Sistem Saraan Malaysia boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran dibawah pekeliling ini berdasarkan Gred/Kategori masing-masing dibawah Sistem Saraan Baru (SSB) / Kumpulan gaji masing-masing dibawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana berkenaan. | Format spt lampiran B-2 Pekeliling Perbendaharaan Bil 4 Tahun 1995<br><br>Arahan Perbendaharaan para 58(a)<br><br>Pek Perbend Bil 4 Tahun 1995 para 2.4<br><br>Pek Perbend Bil 4 Tahun 1995 para 2.6 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | <u>Takrif Pegawai</u><br>Seseorang pegawai di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri termasuk yang dilantik secara sementara atau sangkut.<br><br><u>Takrif "Stesen"</u><br>Satu lingkungan kawasan 25km dari rumah baru ke rumah lama.<br><br>3.3 Taraf Jawatan dicatitkan<br>Semak taraf jawatan untuk menuntukan kadar bayaran perpindahan.<br><br>3.4 Pendapatan (RM) termasuk gaji pokok dan elaun-elaun.<br>3.5 Semak Taraf Perkahwinan pegawai – catitkan sama ada pegawai belum / sudah berkahwin / Lain-lain.<br>Sekiranya telah berkahwin, semak surat nikah yang dikemukakan sebagai dokumen sokongan.<br><br><u>Kadar kelayakan pegawai mengikut taraf perkahwinan pegawai</u><br>i Sekiranya pegawai berkeluarga, atau pegawai yang telah bercerai atau pegawai yang mempunyai anak angkat yang telah diiktiraf adalah layak menuntut bayaran penuh.<br><br>ii. Sekiranya pegawai bujang, pegawai hanya layak menuntut 50% daripada bayaran penuh.<br><br>3.6 Semak tarikh melaksanakan perpindahan yang dilaksanakan oleh pegawai.<br>Tuntutan hendaklah dikemukakan oleh pegawai kepada ketua jabatan tidak lebih 3 bulan daripada tarikh melaksanakan perpindahan **(mesti dibayar dalam tahun kewangan semasa)**.<br><br>Catitkan tarikh kuatkuasa perpindahan dan tarikh melaksanakan perpindahan berdasarkan surat diatas. Sekiranya penangguhan dibuat ke atas perpindahan sila kemukakan surat tersebut sebagai dokumen sokongan. | Pek Perbend Bil 4 Tahun 1995 para 2.9<br><br>Pekeliling Perb Bil. 4/1995 Para 4.2.5 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | Takrif<br>Tuntutan elaun perpindahan rumah hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan di dalam tempoh tidak lewat daripada 3 bulan selepas tarikh perpindahan rumah dilakukan.<br><br>3.6.1 Semak sama ada kenyataan tuntutan pegawai adalah lengkap-catitkan dengan jelas tarikh melaksanakan perpindahan,alamat rumah lama dan alamat rumah baru.<br><br>3.6.2 Semak sama ada pegawai mendapat surat arahan berpindah masuk /keluar (Rumah Kerajaan/Kuaters) oleh pihak yang berkuasa. | |
| | | 3.6.3 Semak sama ada pegawai mendapat surat kelulusan daripada Bahagian Pinjaman Perumahan Kerajaan dan diluluskan oleh Ketua Jabatan/ Pegawai Pengawal | Pek Perbend Bil 4 Tahun 1995 para 4.1 |
| | | Takrif Ketua Jabatan/ Pegawai Pengawal<br>Ketua Jabatan yang bererti Pegawai Pengawal satu-satu Kementerian atau Jabatan bagi meluluskan tuntutan elaun-elaun kerana perpindahan rumah. | Surat Pekeliling Perkhid. Bil 10 Tahun 1989 |
| | | 3.6.4 Takrif Tuntutan Yang Layak Dituntut:-<br><br>i Berpindah Rumah sendiri/sewa /kerajaan ke rumah Kerajaan atau rumah disewa yang dibayar oleh Kerajaan. Berpindah rumah dari rumah sendiri / rumah sewa / rumah Kerajaan ke rumah Kerajaan atau rumah yang sewanya dibayar oleh Kerajaan dan sebaliknya atas arahan pihak berkuasa tertentu. | Pek Perbend Bil 4 Tahun 1995 para 4.1.1<br><br>Pek Perbend Bil 4 Tahun 1995 para 4.1.2 |
| | | ii Berpindah rumah dari rumah sendiri / rumah sewa / rumah Kerajaan ke rumah yang dibeli dibawah Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan. | |
| | | iii Perpindahan diatas keadaan-keadaan yang diluar kawalan seseorang pegawai seperti :<br><br>(a) Perpindahan akibat daripada bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran dan lain-lain. (perpindahan berbentuk tetap dan bukan sementara)<br><br>(b) Pengambilan balik tanah (tapak rumah) oleh Kerajaan atau pihak-pihak lain yang dibenarkan oleh Kerajaan. | Surat Pekeliling Perkhid. Bil 10 Tahun 1989 |

| I | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | 3.6.5 <u>Tuntutan Yang Tidak Layak Dituntut:-</u> | |
| | | i Bagi perpindahan rumah antara tingkat dalam blok yang sama. | Pek. Perb. Bil 4 Tahun 1995 para 4.2.3 & para 4.2.4 |
| | | ii Seorang pegawai tidak layak menuntut elaun,bayaran dan kemudahan bersabit dengan perpindahan rumah tersebut jika kemudahan makan, perjalanan dan pengangkutan barang-barang disediakan. | |
| | | iii Perpindahan yang dilakukan oleh pegawai akibat daripada penerimaan notis daripada tuan rumah untuk mengosongkan rumah tersebut tidak boleh diterima sebagai satu keadaan yang melayakkan pegawai menuntut Bayaran Perpindahan. | Surat Pekeliling Perkhid. Bil 10 Tahun 1989 |
| | | iv Seseorang pegawai tidak layak menuntut elaun, bayaran dan kemudahan bersabit dengan perpindahan rumah sekiranya pegawai berpindah **bukan atas arahan pihak berkuasa** tetapi atas tawaran dan persetujuan menduduki kuarters | KK/BP10/687/698/65 6/2 Jld 9 (97) bth 26.07.2006 |
| | | 3.7 Alamat Rumah Lama & Alamat Rumah Baru | |
| | | Semak lokasi yang terlibat sama ada alamat perpindahan tersebut :- | |
| | | 3.7.1 Semak sama ada perpindahan melibatkan diluar kawasan / kompleks yang sama atau tidak. | |
| | | Sekiranya diluar kawasan / kompleks pegawai layak menuntut tuntutan penuh. | |
| | | 3.7.2 Semak sama ada perpindahan melibatkan antara blok dalam kompleks yang sama. | |
| | | Sekiranya perpindahan melibatkan di antara blok dalam kompleks yang sama pegawai layak ½ daripada bayaran penuh. | |
| | | 3.7.3 Jika perpindahan rumah diantara tingkat dalam blok yang sama pegawai tidak layak menuntut tuntutan perpindahan. | |

| I | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | Takrif kelayakan perpindahan<br><br>Perpindahan rumah yang tidak melibatkan perbelanjaan pengangkutan barang-barang misalnya perpindahan rumah antara blok dalam kompleks yang sama,pegawai hanya layak menuntut ½ atau 50% daripada bayaran penuh.Begitu juga jika pengangkutan barang-barang disediakan,pegawai hanya layak menuntut ½ atau 50%daripada bayaran penuh.Bagi perpindahan rumah antara tingkat dalam blok yang sama,pegawai tidak layak menuntut apa-apa elaun/bayaran perpindahan rumah tersebut. | Pek. Perb. Bil 4 Tahun 1995 para 4.2.3 |
| | | 4. Kadar Tuntutan<br><br>Semak samada Kadar yang dituntut oleh pegawai mengikut kelayakan dan gred pegawai.<br><br>Kadar dan Gred kelayakan adalah seperti berikut :- | Pek. Perbend. Bil 4 Tahun 1995 Jadual 2 Perenggan 4.3.2 (a,b & c) |

| GRED | PERPINDAHAN | |
|---|---|---|
| | SEMENANJUNG M'SIA | |
| | BUJANG | KELUARGA |
| Utama/Khas 'A' dan ke atas | 740.00 | 2,136.00 |
| Kategori I bergaji RM3,872.00 Utama / Khas 'B' | 612.00 | 1,699.00 |
| Kategori III bergaji RM3,138.00 Kategori I bergaji RM3,871.00 | 528.00 | 1,378.00 |
| Kategori III bergaji RM2,456 RM3,137.00 ke atas & Kategori IV bgaji RM2,404.00 ke atas | 464.00 | 1,159.00 |
| Kategori III bergaji RM2,455 ke bawah & Kategori IV bergaji RM2,403.00 ke bawah | 420.00 | 1,042.00 |
| Kategori V & VI | 377.00 | 924.00 |
| Kategori VII | 337.00 | 826.00 |
| Kategori VIII | 299.00 | 739.00 |
| Kategori IX | 278.00 | 671.00 |
| Kategori X | 251.00 | 601.00 |
| Kategori XI | 212.00 | 503.00 |

| Bil | Perkara | Maklumat Yang Perlu Disemak | Rujukan |
|---|---|---|---|
| | | (see table and text below) | Pek. Perb. Bil 4 Tahun 1995 Jadual 2 perenggan 4.3.2 (a,b.& c) |

| GRED | PERPINDAHAN SARAWAK , SABAH & LABUAN | |
|---|---|---|
| | BUJANG | KELUARGA |
| Utama/Khas 'A' dan ke atas | 996.00 | 2,943.00 |
| Kategori I bergaji RM3,872.00 Utama / Khas 'B' | 828.00 | 2,303.00 |
| Kategori II bergaji RM3,138.00 Kategori I bergaji RM3,871.00 | 723.00 | 1,882.00 |
| Kategori III bergaji RM2,456 RM3,137.00 ke atas & Kategori IV bgaji RM2,404.00 ke atas | 659.00 | 1,667.00 |
| Kategori III bergaji RM2,455 ke bawah & Kategori IV bgaji RM2,403.00 ke bawah | 596.00 | 1,444.00 |
| Kategori V & VI | 487.00 | 1,202.00 |
| Kategori VII | 464.00 | 1,105.00 |
| Kategori VIII | 407.00 | 1,007.00 |
| Kategori IX | 365.00 | 899.00 |
| Kategori X | 325.00 | 806.00 |
| Kategori XI | 286.00 | 704.00 |

5. Pengakuan

Semak sama ada kenyataan tuntutan di ruangan Pengakuan diisi dengan lengkap.

5.1 Tarikh dan tandatangan pegawai yang memohon hendaklah dilengkapkan.

6. Pengesahan

Semak sama ada kenyataan tuntutan di ruangan Pengesahan berkaitan Tarikh, tandatangan beserta cop jawatan pegawai diisi dengan lengkap.

7. Pastikan dokumen sokongan berikut dikepilkan:

a) Surat arahan masuk / keluar rumah kerajaan atau surat kelulusan Skim Pembiayaan Perumahan Kerajaan.
b) Surat Nikah / Surat Penceraian dan Salinan no. kad pengenalan / sijil lahir suami / isteri dan anak-anak pegawai.

8. Semak sama ada kod objek yang dipertanggungkan di atas baucar bayaran adalah menggunakan objek lanjut di bawah objek sebagai 22100 dan 22300.

8.1 Kakitangan Awam Biasa dan tentera -22155
8.2 Polis - 22355

Pek.Perbend.Bil 5 Tahun 2004

JADUAL 2

Perenggan 4.3.2 *(a)*.,

TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA

| *Gred/Kategori/Pangkat* | *Bayaran Tetap (*)* | |
|---|---|---|
| | *Bujang (RM)* | *Keluarga (RM)* |
| Gred Utama/Khas A dan ke atas atau Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara | 740.00 | 2,136.00 |
| Kategori I bergaji RM3,872 hingga Gred Utama/Khas B atau Timbalan Pesuruhjaya Polis hingga Pesuruhjaya Polis | 612.00 | 1,699.00 |
| Kategori III bergaji RM3,138 hingga Kategori I bergaji RM3,871 atau Penolong Pesuruhjaya Polis hingga Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis I | 528.00 | 1,378.00 |
| Kategori III bergaji RM2,456 hingga RM3,137 dan Kategori IV bergaji RM2,404 ke atas atau Penguasa Polis | 464.00 | 1,159.00 |
| Kategori III bergaji RM2,455 ke bawah dan Kategori IV bergaji RM2,403 ke bawah atau Timbalan Penguasa Polis dan Penolong Penguasa Polis | 420.00 | 1,042.00 |
| Kategori V dan VI | 377.00 | 924.00 |
| Ketua Inspektor dan Inspektor | 355.00 | 870.00 |
| Kategori VII | 337.00 | 826.00 |
| Kategori VIII | 299.00 | 739.00 |
| Sarjan hingga Sub Inspektor | 289.00 | 705.00 |
| Kategori IX | 278.00 | 671.00 |
| Kategori X atau Kopral dan Lans Kopral | 251.00 | 601.00 |
| Kategori XI atau Konstabal | 212.00 | 503.00 |

CATATAN:

(*) – mengandungi unsur-unsur Elaun Gantian Makan, Pemberian Pindahan, tambang pengangkutan barang-barang dan tambang perjalanan serta termasuk Belanja Pelbagai seperti bayaran tol, feri dan bayaran letak kereta.

Perenggan 4.3.2 *(b)*.

TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DI SARAWAK

| *Gred/Kategori/Pangkat* | *Bayaran Tetap (*)* | |
|---|---|---|
| | *Bujang (RM)* | *Keluarga (RM)* |
| Gred Utama/Khas A dan ke atas atau Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara | 996.00 | 2,943.00 |
| Kategori I bergaji RM3,872 hingga Gred Utama/Khas B atau Timbalan Penguasa Polis dan Penolong Penguasa Polis | 828.00 | 2,303.00 |
| Kategori III bergaji RM3,138 hingga Kategori I bergaji RM3,871 | 723.00 | 1,882.00 |
| Kategori III bergaji RM2,456 hingga RM3,137 dan Kategori IV bergaji RM2,404 ke atas | 659.00 | 1,667.00 |
| Kategori III bergaji RM2,455 ke bawah dan Kategori IV bergaji RM2,403 ke bawah | 596.00 | 1,444.00 |
| Kategori V dan VI | 487.00 | 1,202.00 |
| Ketua Inspektor dan Inspektor | 467.00 | 1,158.00 |
| Kategori VII | 464.00 | 1,105.00 |
| Kategori VIII | 407.00 | 1,007.00 |
| Sarjan hingga Sub Inspektor | 386.00 | 962.00 |
| Kategori IX | 365.00 | 899.00 |
| Kategori X atau Kopral dan Lans Kopral | 325.00 | 806.00 |
| Kategori XI atau Konstabal | 286.00 | 704.00 |

CATATAN:

(*) - mengandungi unsur-unsur Elaun Gantian Makan, Pemberian Pindahan, tambang pengangkutan barang-barang dan tambang perjalanan serta termasuk Belanja Pelbagai seperti bayaran tol, feri dan bayaran letak kereta.

Perenggan 4.3.2 *(c)*.,

TUNTUTAN PERPINDAHAN RUMAH DI SABAH (TERMASUK LABUAN)

| *Gred/Kategori/Pangkat* | *Bayaran Tetap (*)* | |
|---|---|---|
| | *Bujang (RM)* | *Keluarga (RM)* |
| Gred Utama/Khas A dan ke atas atau Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara | 996.00 | 2,943.00 |
| Kategori I bergaji RM3,872 hingga Gred Utama/Khas B atau Timbalan Penguasa Polis dan Penolong Penguasa Polis | 828.00 | 2,303.00 |
| Kategori III bergaji RM3,138 hingga Kategori I bergaji RM3,871 | 723.00 | 1,882.00 |
| Kategori III bergaji RM2,456 hingga RM3,137 dan Kategori IV bergaji RM2,404 ke atas | 659.00 | 1,667.00 |
| Kategori III bergaji RM2,455 ke bawah dan Kategori IV bergaji RM2,403 ke bawah | 596.00 | 1,444.00 |
| Kategori V dan VI | 487.00 | 1,202.00 |
| Ketua Inspektor dan Inspektor | 467.00 | 1,158.00 |
| Kategori VII | 464.00 | 1,105.00 |
| Kategori VIII | 407.00 | 1,007.00 |
| Sarjan hingga Sub Inspektor | 386.00 | 962.00 |
| Kategori IX | 365.00 | 899.00 |
| Kategori X atau Kopral dan Lans Kopral | 325.00 | 806.00 |
| Kategori XI atau Konstabal | 286.00 | 704.00 |

CATATAN:

(*) – mengandungi unsur-unsur Elaun Gantian Makan, Pemberian Pindahan, tambang pengangkutan barang-barang dan tambang perjalanan serta termasuk Belanja Pelbagai seperti bayaran tol, feri dan bayaran letak kereta.

BAHAGIAN PENTADBIRAN,
PERBENDAHARAAN,
(SEKSYEN 'G')

PNMB., K.L.